

21 OCT 2003

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI JOGJAKARTA

JOGJAKARTA, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini untuk lawatan singkat bagi menerima Anugerah Kehormat Pertubuhan Persekutuan Kejuruteraan Asean (AFEO) yang mengadakan persidangannya esok.

Pesawat khas yang membawa beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mendarat di Lapangan Terbang Adisucipto pada kira-kira 8.50 malam (9.50 malam waktu Malaysia).

Turut bersama Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Dr Mahathir berlepas dari Bangkok selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Ketibaannya disambut Menteri Tenaga dan Perlombongan Indonesia, Purnomo Yusgiantoro.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu yang tiba siang tadi turut berada di lapangan terbang itu bersama Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Hamidon Ali bagi menyambut Dr Mahathir.

AFEO akan mengadakan persidangan dua harinya esok dan antara perkara yang akan dibincangkan ialah isu standard dan persijilan kejuruteraan Asean.

Sebanyak 200 perwakilan dari 10 negara Asean termasuk pemerhati dari Jepun, Korea Selatan, India, Hong Kong, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia menyertai persidangan itu.

Dr Mahathir dijadual berucap pada majlis penerimaan anugerah itu esok sebelum ditemubual oleh sebuah stesen televisyen tempatan dan disiarkan secara langsung.

Perdana Menteri tengah hari esok dijadual berlepas ke Timor Leste untuk lawatan dua hari sebelum ke Papua New Guinea.

-- BERNAMA

OPP SSA MOZ